



## Malaysia, Brunei peringkat ruang kerjasama serantau

Veena Rusli - Januari 24, 2023 @ 4:11 pm  
veena@bh.com.my

BANDAR SERI BEGAWAN: Peralihan pasca pandemik COVID-19 membawa nafas baharu dalam hubungan Malaysia-Brunei apabila kedua-dua negara melihat ruang besar boleh diterokai bersama, susulan perubahan dari segi rangkaian penawaran peringkat global.

Ia diperkukuh dengan pelbagai krisis bekalan yang turut menjejaskan rantau ASEAN akibat pergolakan Russia-Ukraine yang belum menampakkan tanda-tanda untuk reda sehingga kini.

Menyedari hakikat idea globalisasi turut dicabar oleh peperangan dua negara itu dan banyak permintaan gagal dipenuhi, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata Malaysia dan Brunei sepakat mengoptimumkan kerjasama peringkat rantau demi manfaat bersama negara wilayah ini.

"Kerjasama peringkat rantau adalah potensi baharu wajar dibangunkan dan ASEAN boleh berperanan secara proaktif bagi menentukan penawaran dalam kalangan negara anggota tidak terganggu.

"Pergerakan dan logistik barangan serta perkhidmatan dapat dilakukan dalam rantau ASEAN dengan lebih mudah, maknanya tidak perlu terlalu bergantung kepada sumber yang terlalu jauh jaraknya.

"Banyak ruang kerjasama boleh diterokai bersama Malaysia dan Brunei kerana kerjasama peringkat ASEAN bakal memberi pelbagai nilai tambah, selain mengatasi kesenjangan ekonomi," katanya kepada media Malaysia di The Empire Brunei di sini, hari ini.

Beliau berada di sini bagi mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang melakukan lawatan rasmi dua hari bermula hari ini.

Anwar dijadual menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dan mengadakan pertemuan empat mata di Istana Darul Iman, esok.

Melangkah ke arah itu, memorandum persefahaman (MoU) yang bakal ditandatangani antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Lembaga Pelaburan Brunei (BIA) di sini esok, dijangka dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi dua negara berjiran.

Zambry berkata, persefahaman itu signifikan dalam rangka hubungan dagang Malaysia-Brunei dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan meneroka bidang baharu dan sedia ada untuk mencipta ruang kerjasama.

Katanya, MoU berkenaan dijangka membabitkan bidang ekonomi digital, minyak dan gas, pembuatan pintar, kecerdasan buatan (AI), pertanian pintar, pelancongan serta industri makanan dan minuman.

"Prospek industri makanan halal antara yang luas bidangnya dan pelaburan bersama kedua-dua negara untuk membangunkan industri halal boleh dilaksanakan dengan baik.

"Pensijilan industri halal akan memberi impak baik, sekali gus menjadikan Malaysia dan Brunei antara yang dihormati dalam aspek penentuan halal produk makanan.

Tahun lalu, Brunei adalah rakan dagang ke-26 terbesar Malaysia dan keenam terbesar di ASEAN, dengan nilai dagangan bernilai RM13.2 billion.

Terdahulu, Zambry mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Negeri Kedua Brunei, Datuk Seri Erywan Mohd Yusof.

Beliau berkata, mereka membincangkan beberapa perkara berkaitan ASEAN dan usaha untuk mempertingkatkan hubungan serantau menerusi tindakan bersama, termasuk kedudukan Myanmar.

"Perbincangan kami turut menyentuh Konsensus Lima Perkara dalam memastikan proses demokrasi dapat dilaksanakan di Myanmar dan kerjasama yang perlu dipelihara dalam konteks ASEAN," katanya.

Sebelum ini, ASEAN menggesa tentera Myanmar atau Tatmadaw segera melaksanakan Konsensus Lima Perkara sepenuhnya.

Tentera negara itu turut didesak bekerjasama dengan ASEAN dan bakal Duta Khas Pengerusi ASEAN di Myanmar untuk mencapai kemajuan ketara, termasuk memberi akses kepada Duta Khas menemui semua pihak terbabit di Myanmar.